

SUKNS.(S)100-1/8/3 KLT.3 (21)



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)

**CERAIAN SR.3.3.1
BAYARAN IMBUHAN PERUMAHAN KHAS**

LAMPIRAN 1 – SURAT EDARAN JPA.(S)800-1/1/13(7)

LAMPIRAN 2 – SR.3.3.1

TARIKH KELULUSAN:

29 JULAI 2022

LAMPIRAN 1



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).800-1/1/13 (7)
Tarikh : 8 Julai 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN BAYARAN IMBUHAN PERUMAHAN KHAS

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002 (PP 11/2002) memperuntukkan Bayaran Perumahan Khas kepada pegawai perkhidmatan awam yang diarahkan mendiami Rumah Khas Jabatan dan Rumah Khas Jawatan (tidak termasuk perkhidmatan Tentera, Polis, Bomba, Penjara dan Unit Pencegah Penyeludupan).



3. Bayaran Perumahan Khas kemudiannya telah dijenamakan sebagai Bayaran Imbuhan Perumahan Khas melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 berikutan rasionalisasi elaun dalam perkhidmatan awam.
4. Berdasarkan perenggan 4 dalam PP 11/2002, Bayaran Imbuhan Perumahan Khas dibayar dengan syarat pegawai yang menduduki rumah yang diperuntukkan kepadanya tidak menyewakan rumah sendiri.
5. Bagi menambah baik peraturan sedia ada dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebijakan dan kesejahteraan pegawai perkhidmatan awam, Kerajaan telah bersetuju supaya **syarat “tidak menyewakan rumah sendiri” dimansuhkan**. Keputusan ini juga sebagai usaha supaya rakyat termasuk pegawai perkhidmatan awam memiliki rumah sendiri.
6. Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, peraturan di perenggan 4 dalam PP 11/2002 bagi syarat tidak menyewakan rumah sendiri dimansuhkan. Sehubungan itu, Bayaran Imbuhan Perumahan Khas layak dibayar kepada pegawai perkhidmatan awam dengan syarat pegawai menduduki Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan yang diperuntukkan kepadanya.
7. Pemansuhan syarat “tidak menyewakan rumah sendiri” adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022.

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Aras 3, Blok Selatan
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Tuan Hj. Zairi bin Hj. Mat Ali)

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

LAMPIRAN 2



CERAIAN SR.3.3.1

BAYARAN IMBUHAN PERUMAHAN KHAS

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan menerangkan Bayaran Imbuhan Perumahan Khas (BPK) kepada pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan tertentu (tidak termasuk perkhidmatan Tentera, Polis, Bomba, Penjara dan Unit Pencegah Penyeludupan).

LATAR BELAKANG

2. Pembayaran BPK diperuntukkan kepada pegawai yang mendiami Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan dan Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan sebagai galakan untuk pegawai berkenaan menduduki Rumah Kerajaan yang diperuntukkan kepadanya. Pembayaran BPK diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002 serta pindaannya melalui Surat Edaran JPA (SARAAN)(S)223/8/5-1(6) bertarikh 29 September 2010 dan JPA.(S).800-1/1/13(7) bertarikh 8 Julai 2022.

PELAKSANAAN

Kadar Bayaran Imbuhan Perumahan Khas dan Pegawai Yang Layak

3. Pembayaran BPK sebanyak 50% daripada kelayakan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) pegawai diberi kepada pegawai yang menduduki:

- i. Rumah Khas Jabatan;
- ii. Rumah Khas Jawatan; dan
- iii. Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan.

Syarat Bayaran Imbuhan Perumahan Khas

4. BPK dibayar dengan syarat pegawai menduduki rumah yang diperuntukkan kepadanya. Pegawai tidak layak dibayar ITP dan juga tidak dikenakan bayaran sewa seperitimana ditetapkan mengikut peraturan Perintah Am 15 Bab ‘E’.

5. Syarat tidak menyewakan rumah sendiri adalah dimansuhkan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022.



Pegawai Yang Diperuntukkan Rumah Khas Jabatan

6. Pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan tiada pilihan untuk tinggal di rumah lain memandangkan rumah berkenaan diperuntukkan atas keperluan tugasnya. Jika pegawai tidak menduduki rumah yang diperuntukkan, pegawai tidak layak BPK dan ITP.

Pegawai Yang Diperuntukkan Rumah Khas Jawatan

7. Pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jawatan perlu menduduki rumah berkenaan berdasarkan kepentingan jawatan yang disandangnya. Jika pegawai tidak menduduki rumah yang diperuntukkan, pegawai tidak layak BPK dan ITP.

Pegawai Yang Diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan

8. Pegawai yang diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan tidak layak dibayar BPK oleh kerana pegawai berkenaan menduduki rumah yang berkenaan atas pilihannya sendiri. Pegawai layak dibayar ITP tertakluk kepada syarat yang ditetapkan seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 atau pindaannya dari semasa ke semasa dan tidak dikenakan bayaran sewa.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002: Bayaran Perumahan Khas dan Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/13(7) bertarikh 8 Julai 2022 adalah **dibatalkan**.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA